

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO.9 HINGGA NO. 54)**

28 MAC 2017

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 28.3.2017

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah unsur kebajikan haiwan dimasukkan ke dalam sukatan pendidikan bagi meningkatkan kesedaran orang muda terhadap kepentingan memelihara haiwan seperti strategi yang dipakai oleh Australia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil kira aspek kebajikan haiwan dan kesedaran tentang kepentingan menjaga kebajikan haiwan bermula di peringkat sekolah rendah sehinggalah ke peringkat Sekolah Menengah. Melalui kurikulum sains sekolah rendah, murid didedahkan dengan nilai memupuk sikap saintifik dan nilai murni. Sebagai contoh, di bawah tajuk **Keperluan asas haiwan**, murid diminta berbincang dan mengenal pasti perkara yang perlu dilakukan bagi memastikan haiwan peliharaan mereka dapat hidup dan membesar dengan sihat

Pada peringkat sekolah menengah atas juga terdapat beberapa mata pelajaran yang menyentuh aspek unsur kebajikan haiwan di dalam

kurikulum yang mana murid didedahkan tentang pengetahuan, kemahiran dan nilai tentang haiwan. Antara mata pelajaran yang terkandung unsur tersebut ialah Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Pertanian Tingkatan 4 dan 5, Pendidikan Asas Vokasional (PAV) Akuakultur Tingkatan 1 hingga 3, Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) Akuakultur Tingkatan 4 dan 5, Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Akuakultur dan Haiwan Rekreasi Tingkatan 4 dan 5. KPM juga mengambil langkah proaktif menawarkan program yang berkaitan unsur tersebut iaitu Agroindustri Ternakan Ruminan dan Agroindustri Ternakan Poltri serta Akuakultur di Kolej Vokasional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara perkara yang didedahkan kepada murid ialah tentang Draf Deklarasi Universal tentang Kebajikan Haiwan yang menggariskan prinsip kebajikan haiwan dan tanggungjawab manusia terhadap haiwan. Murid juga dibekalkan dengan maklumat mengenai Prinsip Lima Kebebasan untuk haiwan yang diterima luas pemakaiannya oleh majoriti negara di dunia. Di samping itu, elemen kepentingan memelihara haiwan juga diamalkan melalui aktiviti ko-kurikulum contohnya perkhemahan pasukan badan beruniform.

RJM77

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
TARIKH : 28 MAC 2017 [SELASA]
SOALAN : 10

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-
jumlah geran penyelidikan yang telah diluluskan oleh MOSTI dan berapa
jumlah penyelidikan tajaan MOSTI yang telah dipatenkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menawarkan Dana Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta Dana Pengkomersialan dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan dan pencapaian R,D&C negara. Dana R&D meliputi Dana Sains dan Dana Pra-Pengkomersialan (TechnoFund dan InnoFund), manakala Dana Pengkomersialan meliputi *Commercialisation of Research and Development Fund* (CRDF), *Technology Acquisition Fund* (TAF) dan *Biotechnology Commercialisation Fund* (BCF).

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, sebanyak RM2,896.75 juta telah diluluskan untuk membiayai 4,566 projek penyelidikan. Daripada jumlah itu, sebanyak 1,401 projek penyelidikan telah difailkan untuk paten iaitu sebanyak 1,054 untuk Dana Sains, 26 untuk TechnoFund, 2 untuk InnoFund, 91 untuk CRDF, 11 untuk TAF dan 55 untuk BCF. Sebagai tambahan, sebanyak 659 teknologi/ciptaan telah diberikan hak cipta, 376 produk hasil ciptaan telah diberikan cap dagang (*trade mark*) dan 49 reka bentuk industri.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 pula, sebanyak RM1,009.6 juta telah diluluskan untuk membiayai 1,886 projek penyelidikan. Daripada jumlah itu, sebanyak 418 projek penyelidikan telah difailkan untuk paten iaitu sebanyak 334 untuk Dana Sains, 3 untuk InnoFund, 55 untuk CRDF, 1 untuk TAF dan 16 untuk BCF. Sebagai tambahan, sebanyak 133 teknologi/ciptaan telah diberikan hak cipta, 62 produk hasil ciptaan telah diberikan cap dagang (*trade mark*) dan 18 reka bentuk industri.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MIMOS Berhad (MIMOS) iaitu salah satu agensi di bawah MOSTI telah memfailkan sebanyak 87 paten pada tahun 2016, sekaligus menjadi pemfail paten terbesar bagi tahun tersebut. MIMOS telah menduduki tempat ketiga teratas memfailkan paten di Malaysia mulai tahun 2007 hingga 2016. MIMOS juga telah tersenarai sebagai 6 organisasi teratas di peringkat global (Global Recognition for

Highest Patent Standing) dengan mencapai paten tertinggi dalam kategori *Government and Research Institutions* oleh World Intellectual Property Organisation bagi tahun 2014- 2015.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK LIANG TECK MENG

TARIKH: 28 MAC 2017

SOALAN:

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah suntikan dan perancangan Kementerian sebagai langkah untuk tingkatkan sasaran kemahiran tenaga kerja mahir seperti yang disasarkan sebanyak 35 peratus ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi.

PR-1351-L00629

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Bagi mencapai sasaran 35% pekerja mahir di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) akan mempergiatkan pembangunan dan mentransformasi TVET untuk memenuhi keperluan industri melalui tiga (3) strategi berikut:

Strategi 1: Memperkukuh Tadbir Urus TVET

- Membangunkan sistem akreditasi tunggal bagi menyatupadu dan memperkukuh sektor TVET yang mana akan digunapakai oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan yang lebih baik dan dinamik. Sistem baharu ini akan mengakreditasi program TVET yang ditawarkan oleh institusi awam dan swasta berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang telah disemak semula.
- Mengharmonikan pelbagai sistem penarafan institusi TVET awam dan swasta termasuk sistem penarafan sedia ada kepada sistem penarafan tunggal. Penyeragaman sistem penarafan ini akan membantu meningkatkan kualiti institusi TVET dan memastikan program yang ditawarkan menepati standard dan piawaian antarabangsa.

Strategi 2: Memperkasa Kualiti dan Penyampaian Program TVET

- Melalui model kerjasama awam swasta (PPP), pemain industri akan dilibatkan secara aktif dalam setiap rantai nilai latihan kemahiran terutama dalam pembangunan kurikulum bagi memastikan ianya lebih praktikal, terkini dan memenuhi keperluan industri. Di samping itu, Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang menawarkan 70% latihan di industri dan 30% di institusi TVET akan diarusperdanakan.
- Program pembangunan tenaga pengajar TVET akan diperkukuh bagi melahirkan tenaga pengajar yang berkualiti. Kerajaan juga akan menggalakkan lebih ramai pakar industri termasuk pengamal industri yang telah bersara untuk berkhidmat sebagai tenaga pengajar di institusi TVET dengan menawarkan pakej imbuhan yang menarik.

Strategi 3: Meningkatkan Penjenamaan Untuk Menarik Minat Terhadap TVET

- Kerajaan akan mempromosikan TVET sebagai kerjaya pilihan dengan mempergiatkan kempen melalui pelbagai media. Program SkillsMalaysia akan menyelaras kempen bagi meningkatkan pemahaman dan pengetahuan masyarakat mengenai peluang kerjaya dan keusahawanan yang ditawarkan oleh TVET. Selain daripada itu, *Malaysian Board of Technologist* (MBOT) akan berperanan mengawal selia bidang pekerjaan tertentu yang berasaskan teknologi bagi

meningkatkan produktiviti serta memartabatkan peranan dan pengiktirafan terhadap *Technologist*.

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sehingga 30 Januari 2017, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui JPK telah mengeluarkan sejumlah 1.5 juta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5 dalam usaha meningkatkan tenaga kerja mahir negara.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Kementerian Sumber Manusia melalui Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) mempunyai tiga puluh dua(32) ILJTM yang beroperasi di seluruh negara yang terdiri daripada 1 JMTI, 8 Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan 23 Institut Latihan Perindustrian (ILP).

4. Dalam tempoh RMKe-10, antara tahun 2011-2015, seramai tiga puluh satu ribu sembilan ratus tiga puluh lima (31,935) pelajar sepenuh masa telah dilatih di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Pada tahun 2016, Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) telah mencapai sasaran dengan melahirkan seramai sepuluh ribu tiga ratus dua puluh (10,320) orang pelatih sepenuh masa.

5. Penemuan kajian pengesanan graduan bagi tahun 2016 terhadap tiga ribu empat ratus tujuh puluh lima (3,475) responden, sebanyak sembilan puluh tiga peratus (93%) graduan yang bekerja, menyambung pelajaran dan pernah menerima tawaran kerja.

6. Kajian juga mendapati hampir 100% graduan yang bekerja diindustri adalah daripada sektor minyak dan gas, industri penerbangan, industri pembuatan, elektrik dan elektronik, penyelenggaraan, ICT dan lain-lain lagi.

Tuan Yang Di Pertua,

7. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa menggalakkan pelajar-pelajar supaya melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran untuk menjadi sebahagian daripada 35 peratus pekerja mahir menjelang Negara Maju 2020.

8. Untuk tujuan itu, kerajaan telah menyediakan **RM1 bilion** (RM200 juta setiap tahun) di bawah Dana pinjaman TVET sepanjang Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) iaitu sepanjang tempoh 2016 hingga 2020 bagi mengikuti latihan di Penyedia Latihan Kemahiran Awam dan Swasta bagi melatih seramai **66,700 orang pelatih** bagi membiayai Pinjaman Latihan Kemahiran (PLK).

9. Latihan kemahiran yang ditawarkan adalah mengikut keperluan industri dan Penyedia Latihan juga telah disyaratkan sekurang-

**kurangnya 80% dari pelatih mereka berjaya mendapat pekerjaan
sebaik sahaja tamat latihan**